

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, December 11, 2017 4:42 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Gala Dinner Sempena 13th IMT-GT ICMSA2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



11 DISEMBER 2017 / 22 RABIULAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

GALA DINNER SEMPENA 13th IMT-GT ICMSA2017



UUM ONLINE: Peserta Persidangan Antarabangsa mengenai Matematik, Statistik dan Aplikasi (ICMSA) Kali Ke-13 diraikan dalam suasana meriah pada *Gala Dinner* di Dewan Sri Angsana, EDC Hotel & Resort.

Dekan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Prof. Dr. Sharipah Soa'ad Syed Yahaya turut menyampaikan ucapan penghargaan sebelum menyempurnakan penyampaian anugerah kertas dan poster penyelidikan terbaik kepada para pemenang serta cenderahati kepada pembentang jemputan.

Terdahulu, ICMSA Kali Ke-13 telah berlangsung selama empat hari anjuran Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), dengan kerjasama Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) dan Natural Sciences Publishing (NSP).

ICMSA2017 membolehkan peserta bertukar idea, pengalaman dan hasil penyelidikan mereka dalam pelbagai bidang matematik, statistik dan *Operational Research* melalui kertas dan poster penyelidikan selain menerima lebih 150 kertas penyelidikan dari 12 negara seperti Sepanyol, Amerika Syarikat, India, Thailand dan Turki.

Sepanjang persidangan ini, peserta dari dalam negara dan luar negara dapat menimba pengalaman dan pengetahuan mereka bersama penceramah tempatan dan antarabangsa yang berkongsi kepakaran bidang masing-masing.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.